

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kalam Allah yang mulia. Di dalamnya terkandung isi kandungan yang terdiri daripada dalil-dalil hukum syara', menyentuh tentang Tauhid Uluhiyyah, Tauhid Rububiyah, sirah kehidupan nabi-nabi terdahulu dan sebagainya. Al-Quran bertepatan dengan situasi dan keadaan semasa kerana al-Quran tetap utuh dan tidak akan hanyut walaupun ditelan zaman. Ini adalah bertepatan dengan janji Allah untuk menjaga dan memelihara al-Quran. Sepertimana firman Allah SWT yang berbunyi:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Surah al-Hijr(15):9

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang menjaganya.”

Daripada analisis yang telah dibuat, penyelidik mendapati hafazan al-Quran di Maahad Tahfiz al-Quran secara umumnya telah memberi suatu kesan yang besar ke arah pembinaan insan yang bersahsiah mulia di samping dapat menghasilkan pelajar-pelajar cemerlang yang berkualiti selaras dengan kehebatan mukjizat al-Quran itu sendiri, yang telah diturunkan oleh Allah SWT melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s

kepada Nabi Muhammad SAW, lebih kurang 14 kurun yang lalu. Dengan penghasilan pelajar yang cemerlang serta bersahsiah mulia, maka falsafah Pendidikan Negara ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan dapat direalisasikan melalui kecemerlangan pelajar-pelajar yang belajar di Maahad-maahad Tahfiz al-Quran di seluruh Malaysia.

Ini juga bertepatan dengan matlamat khusus bagi Pendidikan Yayasan Islam Kelantan iaitu untuk melahirkan muslim yang beriman, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negara dan ummah.

Kesempurnaan hidup dapat dinilai apabila seseorang itu telah berjaya memahami serta mengamati al-Quran seterusnya mengamalkan segala amalan yang baik berteraskan al-Quran dan menjadikan al-Quran sebagai titian kehidupan. Kunci kehidupan yang sejahtera juga dapat diwujudkan apabila al-Quran sering menjadi temannya dan apabila seseorang itu telah yakin terhadap segala isi kandungan al-Quran, lalu mempraktiskannya serta membudayakan budaya al-Quran di dalam kehidupan.

5.2 CADANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN

Setelah mengkaji tentang hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat, Pulau Chondong, Kelantan, maka disini penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan:

- 1- Ibu bapa mestilah memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak sejak daripada kecil lagi untuk mengenali serta mencintai al-Quran kerana didikan awal yang diberikan kepada anak-anak dapat menjadikannya seorang yang celik al-Quran sejak daripada kecil lagi. Penyelidik berpendapat tanpa didikan al-Quran dan agama yang mantap dan sempurna kepada anak-anak sejak kecil akan menyebabkan anak-anak tidak mampu membaca al-Quran dengan baik apatah lagi untuk memahami serta menghayati al-Quran. Jika perkara seumpama ini berlaku, maka ia akan menyebabkan seseorang itu akan jauh daripada landasan Islam, seperti terjebak dengan kebejatan sosial dan keruntuhan akhlak kerana ibu-bapa tidak mementingkan didikan agama dan tidak cuba untuk mempraktikkan segala isi kandungan yang terdapat di dalam al-Quran serta tidak menjiwai ruh al-Quran. Ini merupakan sesuatu perkara yang dapat menjatuhkan maruah serta martabat Islam kerana al-Quran adalah kalam Allah yang mulia yang sepatutnya diagungkan oleh setiap muslim yang beriman kepada Allah.

- 2- Metode atau teknik-teknik hafazan yang terdapat di Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat Pulai Chondong, Kelantan, harus dijadikan contoh kepada maahad-maahad tahfiz bagi seluruh negeri-negeri di Malaysia kerana didapati teknik serta metode hafazan yang digunakan di Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat Pulai Chondong, Kelantan, adalah berkesan dan dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang mampu menghafal serta menghayati isi kandungan al-Quran dengan baik.

- 3- Yayasan Islam Kelantan perlu sering memantau serta memberi bantuan kepada maahad-maahad Tahfiz al-Quran di seluruh negeri Kelantan seperti kelengkapan peralatan di dalam makmal-makmal sains atau bengkel, di samping itu kemudahan-kemudahan seperti bahan-bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan harus dipertingkatkan kualiti serta kuantitinya, penyediaan buku-buku serta bahan-bahan rujukan di dalam perpustakaan sebenarnya dapat memudahkan pelajar-pelajar mendapatkan informasi. Segala kelengkapan yang mencukupi akan memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar. Ini kerana maahad tahfiz juga merupakan salah satu institusi pendidikan yang telah mendapat tempat di hati golongan ibu bapa pada masa kini.

- 4- Menambahkan lagi bilangan institusi-institusi tahfiz melalui pembinaan Maahad-maahad Tahfiz di setiap negeri-negeri di seluruh Malaysia. kerana didapati generasi yang lahir daripada didikan maahad-maahad Tahfiz al-Quran secara keseluruhannya mampu untuk menerajui Malaysia kearah

negara maju dan berwawasan menjelang tahun 2020 kerana kualiti kecemerlangannya dari sudut akademik dan juga sahsiah.

5.3 PENUTUP

Maahad-maahad Tahfiz al-Quran yang terdapat di seluruh Malaysia sebenarnya merupakan salah satu daripada institusi-institusi pendidikan yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan di Malaysia. Didapati kebanyakan sekolah-sekolah atau institusi-institusi pengajian mampu untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan pintar, namun bukan mudah untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang pintar dan cemerlang disamping mempunyai sahsiah yang mulia. Kerana sahsiah yang mulia sebenarnya akan terhasil melalui didikan ibu bapa yang baik dari sudut penghayatan terhadap al-Quran dan agama, pergaulan dengan rakan sebaya, didikan daripada guru-guru serta suasana persekitaran pembelajaran yang aman dan harmoni.

Penghasilan pelajar-pelajar yang cemerlang serta berakhlak mulia, mampu untuk mengangkat nama serta martabat sesebuah institusi pendidikan. Sehubungan itu penyelidik berpendapat, Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat Pulai Chondong, Kelantan adalah contoh sebuah maahad tahfiz yang berprestij dan mampu untuk menghasilkan generasi yang bertakwa pada masa akan datang.